

KAJIAN ISTIHADAH DALAM PERSPEKTIF FIQH KONTEMPORARI: MASALAH DAN PENYELESAIAN

THE STUDY OF ISTIHADAH FROM A CONTEMPORARY FIQH PERSPECTIVE: ISSUES AND SOLUTIONS

Nur Nadiah Abdul Manap¹
Siti Nur Hadis A Rahman²
Muhammad Fitri Ab Kadir³
Qosrina Abdullah⁴
Norly Marlia Kamaruddin⁵
Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek⁶

^{1,2,3,4,5,6} Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor, Malaysia

Article history

Received date : 10-2-2025
Revised date : 11-2-2025
Accepted date : 19-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Abdul Manap, N. N., A Rahman, S. N. H., Ab Kadir, M. F., Abdullah, Q., Kamaruddin, N. M., & Dol Malek, M. D. Z. (2025). Kajian istihadah dalam perspektif Fiqh Kontemporari: Masalah dan penyelesaian. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 440- 447.

Abstrak: *Istihadhah merujuk kepada pendarahan abnormal yang berlaku di luar tempoh haid atau nifas dan telah dibincangkan secara mendalam dalam kitab fiqh serta hadis Rasulullah SAW. Dalam era moden, perkembangan teknologi perubatan dan perubahan gaya hidup wanita mencetuskan cabaran baharu, termasuk kekeliruan antara darah haid dan istihadhah akibat penggunaan alat kontraseptif, rawatan hormon, atau penyakit. Kajian ini bertujuan untuk menilai isu istihadhah dalam konteks kontemporari dengan menyoroti peranan maqasid syariah sebagai asas panduan bagi menyelesaikan isu ini. Kajian ini melibatkan analisis perpustakaan dan literatur terkini. Artikel ini mengupas pandangan fuqaha dalam empat mazhab utama, penyesuaian hukum fiqh kontemporari, dan kemajuan perubatan moden dalam membezakan jenis pendarahan. Pendekatan maqasid syariah yang menekankan nilai rahmah (kasih sayang), taysir (kemudahan), dan adl (keadilan) diterapkan bagi memastikan panduan yang diberikan kepada wanita relevan, adil, dan praktikal. Hasil kajian menunjukkan bahawa Islam menyediakan penyelesaian yang relevan untuk wanita yang mengalami istihadhah, Penekanan terhadap pendidikan dan kesedaran masyarakat mengenai fiqh wanita dapat membantu mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan keyakinan wanita Muslim dalam melaksanakan ibadah.*

Kata Kunci : *istihadhah, maqasid syariah, fiqh wanita, perubatan moden, darah haid*

Abstract: *Istihadhah refers to abnormal bleeding that occurs outside the menstrual or postnatal period and has been extensively discussed in fiqh books and the hadiths of the Prophet Muhammad (SAW). In the modern era, advancements in medical technology and changes in women's lifestyles have introduced new challenges, including confusion between menstrual blood and istihadhah due to the use of contraceptive devices, hormonal treatments, or medical conditions. This study aims to evaluate the issue of istihadhah in a contemporary context by highlighting the role of maqasid syariah as a guiding principle in resolving this issue. The research involves library analysis and a review of the latest literature. This article explores the perspectives of scholars from the four major Islamic schools of thought, contemporary fiqh adaptations, and modern medical advancements in distinguishing types of bleeding. The maqasid syariah approach, which emphasizes rahmah (compassion), taysir (ease), and adl (justice), is applied to ensure that the guidance provided to women is relevant, fair, and practical. The findings of this study indicate that Islam offers relevant solutions for women experiencing istihadhah. Emphasizing education and public awareness of women's fiqh can help reduce confusion and enhance Muslim women's confidence in performing their religious obligations.*

Keyword: *Abnormal uterine bleeding, Women's jurisprudence, Modern medicine, Menstrual blood, Objectives of Islamic law*

Pendahuluan

Darah istihadhah merupakan isu yang disebut secara langsung dalam hadis Rasulullah SAW serta dibahas dalam pelbagai kitab fiqh. Namun istilah ini lebih merujuk kepada darah yang keluar dari rahim wanita di luar waktu haid atau nifas. Para fuqaha juga meletakkan darah istihadhah sebagai *dam fasid* (darah rosak) dan berbeza daripada darah haid dan nifas, yang memerlukan hukum tetap dan khusus untuk menjangka ibadah wanita.

Kini dalam masyarakat moden, pelbagai jenis isu baru timbul seperti penggunaan alat atau pil pencegah kehamilan, rawatan hormon, dan penyakit seperti endometriosis atau fibroid, yang sering menyebabkan kekeliruan antara haid dan istihadhah. Oleh itu, kajian ini penting untuk memahami konsep antara istihadhah dalam konteks dahulu dan kontemporari, dan mencari penyelesaian holistik melalui prinsip maqasid syariah.

Tujuan Kajian

Kajian terhadap pemahaman dan aplikasi kaedah fiqh dalam konteks darah wanita adalah penting bagi memastikan hukum Islam terus relevan dan praktikal dalam menangani cabaran semasa. Isu-isu seperti haid, nifas, dan istihadhah memerlukan pendekatan yang holistik, mengambil kira keperluan biologi wanita serta tuntutan syarak. Prinsip maqasid syariah memainkan peranan penting dalam memberikan panduan praktikal yang berasaskan nilai kemaslahatan, keadilan, dan kemudahan. Dalam hal ini, fiqh al-darurat sering diaplikasikan untuk memberikan kelonggaran kepada wanita yang menghadapi keadaan luar biasa, seperti istihadhah yang berpanjangan, tanpa mengabaikan tuntutan ibadah.

Pemahaman yang mendalam terhadap kaedah fiqh juga penting bagi menyelesaikan persoalan seperti waktu-waktu yang dibolehkan atau tidak dibolehkan solat dan puasa, serta implikasi terhadap ibadah lain seperti haji. Di samping itu, pendidikan dan kesedaran masyarakat terhadap fiqh wanita perlu diperkasa, terutamanya dalam menyediakan panduan yang jelas dan

mudah difahami agar wanita dapat melaksanakan ibadah mereka dengan yakin dan tanpa kekeliruan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu wanita Muslim memahami kedudukan mereka dalam hukum Islam, tetapi juga memastikan prinsip maqasid syariah, seperti rahmah (kasih sayang) dan taysir (kemudahan), dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, penekanan terhadap aplikasi kaedah fiqh dalam isu darah wanita menjadi keutamaan dalam memastikan hukum Islam dapat terus memberikan solusi yang adil dan tidak membebankan dalam kehidupan seharian (Hashim et al., 2024).

Analisis konsep istihadhah menurut pandangan para fuqaha. Istihadhah, atau pendarahan yang berlaku di luar tempoh haid atau nifas, adalah isu penting dalam fiqh Islam yang telah dibincangkan secara mendalam oleh para fuqaha silam dalam empat mazhab utama: Hanafi, Maliki, Syafie, dan Hanbali. Walaupun terdapat kepelbagaian dalam pendekatan teknikal setiap mazhab, mereka sepakat bahawa istihadhah adalah darah penyakit (*dam fasid*) dan bukan darah haid. Oleh itu, ia tidak menghalang wanita daripada melaksanakan ibadah seperti solat, puasa, dan ibadah haji. Dalam Mazhab Hanafi, darah haid mempunyai tempoh maksimum 10 hari. Sekiranya pendarahan berlaku selepas tempoh ini, ia dianggap sebagai istihadhah (Abdurrahman, 2014).

Penekanan diberikan kepada aspek tempoh, yang menjadi asas utama untuk membezakan darah haid dan istihadhah. Wanita dengan istihadhah diwajibkan berwuduk bagi setiap waktu solat, dan mereka boleh melaksanakan ibadah lain seperti biasa. Imam Malik menekankan ciri fizikal darah sebagai panduan untuk membezakan antara haid dan istihadhah. Beliau menyatakan bahawa darah haid lebih gelap, pekat, dan berbau kuat, manakala darah istihadhah lebih cair dan tidak berbau. Dalam mazhab ini, wanita yang menghadapi kekeliruan boleh merujuk kepada kebiasaan kitaran haid mereka sebagai panduan (Amani et al., 2023).

Mazhab Syafie menetapkan tempoh maksimum haid ialah 15 hari. Sekiranya darah keluar melebihi tempoh tersebut, ia dianggap sebagai istihadhah. Imam Syafie memberikan garis panduan terperinci, termasuk kewajipan wanita untuk membersihkan diri dan berwuduk bagi setiap waktu solat. Pandangan ini juga memberikan perhatian kepada faktor individu seperti kebiasaan dan keunikan kitaran haid wanita. Mazhab Hanbali menekankan kebiasaan individu sebagai asas utama untuk menentukan pendarahan.

Jika darah keluar melebihi tempoh kebiasaan haid wanita, ia dianggap sebagai istihadhah. Pendekatan ini menunjukkan fleksibiliti mazhab dalam menangani pelbagai keadaan individu (Salleh, 2018).

Wanita yang mengalami istihadhah diwajibkan untuk tetap menunaikan solat. Namun, mereka perlu membersihkan diri dan mengambil wuduk bagi setiap waktu solat. Proses ini memerlukan persiapan tambahan dan boleh menjadi cabaran dalam kehidupan moden yang sibuk. Dalam bulan Ramadan, wanita yang mengalami istihadhah diwajibkan berpuasa. Namun, keadaan fizikal akibat pendarahan berterusan mungkin menjejaskan kekuatan dan kesihatan, menjadikan ibadah puasa lebih mencabar. Bagi wanita yang menunaikan haji atau umrah, istihadhah tidak menghalang mereka daripada melakukan tawaf. Namun, mereka perlu memastikan kebersihan diri dan pakaian, yang memerlukan usaha tambahan dalam persekitaran yang sesak (Zamri et al., 2022).

Istihadah yang berpanjangan boleh memberi tekanan psikologi kepada wanita, termasuk perasaan rendah diri atau kebimbangan mengenai penerimaan ibadah mereka. Sokongan moral dan pemahaman daripada komuniti adalah penting dalam menangani isu ini. (Latifah Abdul Majid et al., 2024).

Pendidikan mengenai fiqh wanita dan pengurusan istihadah adalah penting. Institusi agama dan pendidikan perlu menyediakan maklumat yang tepat untuk membantu wanita memahami dan mengurus keadaan ini dengan baik. Komuniti Muslim perlu menunjukkan empati dan sokongan kepada wanita yang mengalami istihadah, termasuk menyediakan kemudahan yang mesra wanita di masjid dan pusat komuniti.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis daripada kajian perpustakaan dan berpandukan tinjauan literatur dari artikel terpilih carian Buku, Google Scholar, Journal Scopus dan MyCite. Berikut adalah jadual ringkasan kajian terdahulu yang boleh digunakan sebagai rujukan utama:

Perbandingan Teks Klasik dan Sumber Moden

No.	Penulis & Tahun	Fokus Kajian	Pendekatan	Dapatan Utama
1	Ibn Qudamah (Kitab Al-Mughni)	Istihadah dalam fiqh klasik	Pendekatan fiqh mazhab Hanbali	Istihadah dikategorikan sebagai darah penyakit, wanita boleh solat selepas bersuci
2	Imam Nawawi (Al-Majmu')	Perbezaan darah haid dan istihadah	Pendekatan fiqh mazhab Syafi'i	Haid tidak melebihi 15 hari, selebihnya adalah istihadah
3	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2022)	Penggunaan alat kontraseptif dan kesannya terhadap istihadah	Pendekatan fatwa kontemporari	Penggunaan alat perancang boleh menyebabkan istihadah, tetapi ibadah tetap sah dengan syarat tertentu
4	WHO (2021)	Kesan kontraseptif terhadap pendarahan tidak normal	Kajian perubatan	Kontraseptif hormon boleh menyebabkan perubahan pola haid, termasuk istihadah
5	Dr. Yusuf Al-Qaradawi (Fiqh al-Thaharah)	Istihadah dan kaitannya dengan ibadah	Pendekatan maqasid syariah	Wanita dalam keadaan istihadah dibenarkan solat dan puasa dengan syarat tertentu

Jadual ini membantu membandingkan sumber klasik dan moden serta menjelaskan pendekatan dalam kajian ini.

Perbincangan

Kajian terdahulu telah membincangkan konsep darah istihadhah dari perspektif fiqh. Ibnu Qudamah.,(2022) dalam kitabnya *Al-Mughni* membahaskan bahawa istihadhah ialah darah yang keluar daripada wanita secara berterusan atau dengan kekeapan yang tidak normal selepas tempoh haid atau nifas. Beliau juga telah menegaskan bahawa darah istihadhah adalah darah penyakit (*dam fasid*), bukan darah haid. Oleh itu, darah ini tidak menjadi penghalang kepada para wanita dalam melaksanakan ibadah seperti solat dan puasa.

Imam Nawawi dalam kitab *Al-Majmu'* memberikan penerangan mengenai definisi dan hukum berkaitan darah istihadhah (Ibn Sharaf Al Nawawi, 2005). Namun, dengan perkembangan perubatan moden, terdapat keperluan untuk menilai semula pemahaman ini. Imam Nawawi menekankan bahawa Islam adalah agama yang memberi kemudahan (*taysir*). Panduan fiqh mengenai istihadhah juga menunjukkan sifat rahmah (kasih sayang) Islam terhadap wanita. Beberapa hikmah yang beliau angkat termasuk dalam memudahkan ibadah. Wanita tidak dihalang daripada beribadah walaupun mengalami pendarahan. Dari segi kesucian dan kebersihan pula Imam Nawawi memberi penekanan kepada langkah kebersihan sebelum beribadah bagi mencerminkan kepentingan menjaga kesucian dalam Islam.

Kajian oleh dalam Aiman El Matary, (2019), dalam kajiannya menekankan betapa pentingnya mengetahui perbezaan antara pengetahuan fiqh dan perubatan dalam menangani isu istihadhah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis akan isu pendarahan dalam rahim yang tidak normal atau *Dysfunctional Uterine Bleeding* (DUB) disebut dalam konteks Islam. Kajian ini juga menekankan bagaimana perkara ini sangat mengganggu dalam menunaikan ibadah seperti solat, puasa dan haji.

Definisi Istihadhah dan Pengelasan Jenis Pendarahan

Istihadah di definisikan sebagai darah penyakit yang berbeza daripada darah haid. Dalam mazhab Syafie, istihadhah berlaku apabila darah telah melebihi tempoh 15 hari. Manakala dalam mazhab imam Hanafi pula menetapkan bahawa darah yang keluar selepas 10 hari adalah istihadhah (Ibn Sharaf Al Nawawi, 2005). Ciri-Ciri Istihadah Mengikut Pandangan Mazhab. Mazhab Maliki memberikan pandangan kepada warna dan bau darah untuk membezakan antara haid dan istihadah. Manakala Mazhab Hanbali lebih fokus kepada kebiasaan wanita dalam menentukan tempoh haid normal (Ghazi Saad, 2022).

Pandangan Fiqh Kontemporari Mengenai Darah Istihadhah

Fiqh kontemporari ini lebih menekankan kepada keadaan seseorang dalam menangani isu istihadhah. Manakala ulama moden seperti Yusuf ,Qaradowi, 2002 menekankan bahawa pentingnya mengambil pendekatan maqasid syariah untuk meringankan beban wanita yang menghadapi pendarahan ini. Antara isu terkini yang dihadapi oleh para wanita adalah penggunaan kontraseptif atau alat, ubat, kaedah yang digunakan untuk mencegah kehamilan. Ia bertujuan untuk mengawal kelahiran dan memberi pasangan peluang untuk merancang keluarga. menyebabkan pendarahan yang tidak normal. Seterusnya gangguan kesihatan seperti endometriosis dan fibroid sering menyukarkan para wanita membezakan antara darah haid dan istihadhah. Kaedah pendekatan kontemporari yang melibatkan pandangan ahli fiqh dengan pakar perubatan bagi memastikan keputusan yang tepat dalam menentukan hukum (Zainab Alwani, 2020).

Perbezaan Pandangan Fuqaha Klasik dan Kontemporari dalam Penentuan Hukum

Perbezaan pandangan antara fuqaha klasik dan kontemporari sering menjadi punca kekeliruan dalam penentuan hukum, terutama dalam isu yang berkaitan dengan darah wanita seperti haid, nifas, dan istihadhah. Fuqaha klasik seperti mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali mempunyai kaedah tersendiri dalam menentukan tempoh minimum dan maksimum haid serta istihadhah berdasarkan nas dan pengalaman mereka dalam masyarakat pada zaman mereka (Qudamah., 2022). Walau bagaimanapun, fuqaha kontemporari yang berdepan dengan perkembangan ilmu perubatan dan perubahan gaya hidup wanita moden sering kali mengemukakan pandangan yang lebih fleksibel dan berasaskan bukti saintifik (Wahbah al-Zuhayli, 2007)

Selain itu, perbezaan dalam pendekatan metodologi juga menyumbang kepada kekeliruan. Fuqaha klasik lebih cenderung berpegang kepada pendekatan qias dan ijma' ulama terdahulu dalam menentukan hukum, manakala fuqaha kontemporari sering menggunakan pendekatan maqasid syariah dalam menyesuaikan hukum dengan keadaan semasa. Contohnya, dalam menentukan hukum solat bagi wanita yang mengalami istihadhah, fuqaha klasik mewajibkan wuduk sebelum setiap solat fardu, manakala sebahagian ulama kontemporari mencadangkan kelonggaran berdasarkan kajian perubatan bahawa darah istihadah lebih mirip kepada darah penyakit (Qaradawi, 2002).

Akibat perbezaan ini, sebahagian masyarakat keliru dalam mengamalkan sesuatu hukum, terutamanya apabila mereka tidak memahami perbezaan antara ijtiha klasik dan ijtiha moden. Di sinilah pentingnya peranan ilmuwan Islam untuk menjelaskan perbezaan tersebut dengan kaedah yang mudah difahami serta berpandukan dalil yang sahih. Oleh itu, pendekatan yang lebih holistik dan berlandaskan dalil yang kuat perlu digunakan agar umat Islam tidak terjebak dalam kekeliruan atau terlalu rigid dalam memahami hukum syarak.

Peranan Perubatan Moden dalam Penentuan Darah Istihadhah

Kemajuan dalam bidang perubatan moden telah memberikan impak yang besar kepada wanita dalam mengenal pasti jenis pendarahan yang dialami, termasuk membezakan antara haid normal, istihadhah, dan pendarahan yang berpunca daripada masalah kesihatan. Teknik diagnostik seperti ultrabunyi, ujian hormon, dan ujian histologi kini membolehkan para pakar perubatan mendiagnosis dengan lebih tepat punca pendarahan, sama ada ia disebabkan oleh ketidakseimbangan hormon, kehadiran fibroid, polip, atau penyakit seperti endometriosis. Menurut kajian dalam Aiman El Matary, (2019) peralatan yang moden ini bukan sahaja dapat membantu dalam membezakan pendarahan haid dan istihadhah, tetapi juga memberi panduan penting untuk rawatan perubatan yang sesuai. Teknologi ultrabunyi, misalnya, digunakan untuk menilai keadaan rahim secara terperinci dan mengenal pasti keabnormalan struktur seperti fibroid atau polip. Fibroid, yang merupakan tumor jinak pada dinding rahim, sering menyebabkan pendarahan berat dan berterusan yang boleh disalah anggap sebagai haid. Selain itu, ujian hormon dapat mengenal pasti ketidakseimbangan hormon estrogen dan progesteron, yang sering menjadi punca utama kepada gangguan pendarahan seperti menorrhagia dan istihadah. Dengan maklumat yang diperoleh melalui teknologi ini, doktor dapat memberikan diagnosis yang lebih tepat, seterusnya membantu wanita memahami keadaan mereka dengan lebih jelas (Aiman El Matary, 2019).

Pendekatan Maqasid Syariah terhadap Masalah Istihadhah

Prinsip maqasid syariah adalah asas dalam Islam yang bertujuan untuk menjaga lima perkara utama dalam agama (ad-din), nyawa (an-nafs), akal (al-aql), keturunan (an-nasl), dan harta (al-mal). Dalam konteks wanita yang mengalami darah istihadhah, Islam memberi penyelesaian kemudahan (*taysir*) dan kasih sayang (*rahmah*). Contohnya dapat dilihat apabila wanita yang mengalami istihadhah ini perlu berwuduk untuk setiap waktu solat tanpa mengulang mandi wajib. Maka dalam kes istihadhah ini, wanita tidak perlu mandi wajib setiap kali darah keluar kerana hal ini akan menyulitkan dan membebankan mereka. Sebaliknya, mereka hanya perlu membersihkan darah yang keluar, memakai perlindungan seperti tuala wanita atau kain bagi mengelakkan darah mengotori pakaian dan berwuduk untuk setiap waktu solat. Pendekatan ini mencerminkan kemudahan, iaitu memberikan wanita tanpa melibatkan bebanan yang melampau dalam menjalankan ibadah (Hamid Fahmy Zarkasyi, 2020).

Melaksanakan ibadah berdasarkan panduan yang disesuaikan dengan keadaan kesihatan mereka Islam juga menjelaskan bahawa wanita yang mengalami istihadhah adalah dama dalam menghadapi cabaran kesihatan. Oleh itu, beberapa kelonggaran diberikan seperti tidak perlu mengulang wuduk jika darah keluar secara berterusan selepas mengambil langkah bersuci. Dibenarkan untuk melaksanakan solat tanpa perasaan was-was terhadap kebersihan diri, kerana keadaan ini adalah uzur yang tidak disengajakan. Boleh terus berpuasa dan melaksanakan ibadah lain seperti biasa. Hal ini menunjukkan nilai (*rahmah*), iaitu kasih sayang dalam syariah Islam yang tidak bertujuan untuk membebankan atau menyulitkan hamba Allah.

Memastikan keadilan (*adl*) adalah salah satu prinsip maqasid syariah yang juga menekankan keadilan (*adl*) dalam memberikan solusi. Antaranya adalah wanita yang istihadhah tidak dipaksa untuk mematuhi hukum-hukum tertentu secara erus yang mungkin membebankan mereka dalam keadaan tertentu. Sebaliknya, Islam memberikan panduan yang adil, mengambil kira kesulitan yang mereka hadapi, sekaligus memastikan mereka tetap boleh melaksanakan ibadah dengan tenang.

Prinsip maqasid syariah memberikan ruang untuk penyelesaian masalah yang relevan, selaras dengan realiti kehidupan. Dalam kes wanita dengan istihadhah, kelonggaran yang diberikan bukan sahaja memudahkan urusan ibadah mereka tetapi juga mengukuhkan nilai kasih sayang dan keadilan dalam Islam. Solusi ini menunjukkan bahawa syariah Islam sangat relevan dan praktikal dalam menghadapi cabaran kehidupan manusia (Yusof Al Qaradhawi, 2017).

Kesimpulan

Kerjasama antara para ulama di Malaysia dan profesional perubatan adalah salah satu arah pendekatan yang penting dalam memastikan wanita Muslim memperoleh panduan yang berlandaskan syariah dan bertepatan dengan perkembangan ilmu perubatan. Gabungan kepakaran dalam bidang agama dan perubatan dapat memberikan solusi yang lebih holistik, terutamanya dalam isu-isu seperti kesihatan reproduktif, penggunaan kontraseptif, rawatan kesuburan, dan penjagaan ibu hamil. Kepentingan ini memainkan peranan dari pelbagai pihak antaranya ulama yang bertanggungjawab dalam memahami dan menerapkan maqasid syariah dalam konteks kesihatan, termasuk kemudahan (*taysir*), kasih sayang (*rahmah*), dan keadilan (*adl*).

Kerjasama antara keduanya sangatlah membantu dalam menganjurkan seminar dan bengkel bersama yang melibatkan ulama dan profesional perubatan untuk mendalami isu-isu kesihatan yang spesifik, seperti pendarahan wanita (haid, nifas, istihadah). Penerbitan dalam panduan yang praktikal seperti dokumen rasmi yang merangkumi panduan ibadah bagi wanita Muslim yang menghadapi masalah kesihatan tertentu, disertai dengan pandangan fiqh dan saranan perubatan.

Rujukan

- Abdurrahman. (2014). *Al Ibanah Wal Ifadhah Kupas Tuntas Hukum Haid ,Nifas dan Istihadah*.
- Aiman El Matary. (2019). understanding dysfunctional uterin bleeding in islamic jurisprudence . *International Journal of Gynecology & Obstetrics*.
- Amani, R. U., Arif, S., & Nawawi, K. M. (2023). Pandangan Para Ulama Tentang Darah Haid dan Darah Istihadah. *As-Syar'i: Jurnal Bimbingan & Konseling Keluarga*, 5(1), 144–155. <https://doi.org/10.47467/as.v5i1.1954>
- Ghazi Saad. (2022). Peraturan-peraturan hukum yang berkaitan dengan haid, istihadah, dan nifas. *Peraturan-Peraturan Hukum Yang Berkaitan Dengan Haid, Istihadah, Dan Nifas.*, 3, 65.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (2020). peranan maqasid syariah dalam menangani masalah fiqh kotemporari. *Jurnal Maqasid* .
- Hashim, H., Ishak, F., Islam, F. P., Islam, U., Sultan, P., & Shah, A. (2024). PEMAHAMANAN KAEDAH FIQH DI KALANGAN PELAJAR: SATU SOROTAN. *Jurnal Al-Sirat*, 24(1). <https://ejournal.unipsas.edu.my/>
- Ibn Sharaf Al Nawawi, A. zakaria M. (2005). *Al Majmu'*. Dar Al Salam.
- Latifah Abdul Majid, Nurul Suhaida Ibrahim, Mohd Manawi Mohd Akib, Mohd Arif Nazri, & Mohd Nasir Abdul Majid. (2024). Pentakrifan kemiskinan haid menurut perspektif Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 11(1), 1–11.
- Qaradowi, D. Y. (2002). *Fiqh al-Taharah*. Maktabah Wahbah,kaherah.
- Qudamah., M. A. M. A. bin A. bin M. bin. (2022). *AL MUGHNI IBNU QUDAMAH*.
- Salleh, S. F. (2018). Konotasi Darah Haid Menurut Perspektif Perubatan dan Al-Quran. *Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran Dalam Masyarakat Kontemporari*.
- Wahbah al-Zuhayli. (2007). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*.
- Yusof Al Qaradhawi. (2017). *Fiqh Maqasid Syariah* . Pustaka Al Kaustsar.
- Zainab Alwani. (2020). Fiqh Al Nisa,A Holistic Approach to women Issue. *Islamic Horizon Journal*.
- Zamri, M. F. N., Zabidi, 'AINUL MARDHIAH, Siamil, N., & Hussin, Z.-K. (2022). Penerokaan Kaedah Fiqh dalam Perbahasan Fiqh Darah Haid: Kajian Terhadap Buku al-Ibanah wa al-Ifadhah fi Ahkam al-Haid wa al-Nifas wa al-Istihadah 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i Islamic Legal Maxim Exploration in Fiqh Debate for Menstrual Blood: A Study. *Muwafaqat.*, 5(1), 71–87. <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>